

31/03/1999

Telekom cuba kesan panggilan ugutan bunuh

ALOR STAR, Selasa - Polis mendapatkan kepakaran pegawai Telekom Malaysia Berhad (Telekom) untuk mengesan panggilan seorang lelaki kepada bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff yang mengugut untuk membunuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kerjasama pegawai Telekom penting bagi memastikan punca panggilan berkenaan kerana siasatan awal mendapati ia dilakukan menggunakan telefon biasa.

Bagaimanapun, setakat ini belum dapat dipastikan sama ada panggilan pada jam 12.50 pagi, 21 Mac lalu itu dilakukan menggunakan telefon awam atau telefon persendirian.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kedah, Superintendan Abdul Rahim Jaafar, berkata pasukan penyiasat khas kes terbabit kini menunggu hasil siasatan Telekom.

"Lebih cepat panggilan itu dapat dikesan Telekom, lebih cepat polis boleh mengambil tindakan.

"Setakat ini, polis belum menahan sesiapa yang dipercayai dapat membantu siasatan," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Siasatan kes itu dilakukan mengikut Seksyen 507 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara 11 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah sudah mengambil kenyataan daripada Osman, pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri serta Telekom bagi membantu polis mendapatkan pemula siasatan.

Ketua Polis Negeri, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff, sebelum ini berkata pasukan yang diketuai Ketua JSJ negeri, Asisten Komisioner Abdul Jalal Mohd Yunus, itu mengesyaki panggilan dilakukan seorang lelaki Melayu menggunakan telefon biasa.

Osman yang juga wakil peribadi Dr Mahathir bagi Parlimen Kubang Pasu membuat laporan polis kepada Nik Ismail di IPK.

Osman menerima panggilan itu di rumahnya di Jalan Menteri di sini kira-kira enam jam sebelum Dr Mahathir tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, bagi memulakan lawatan rasmi selama dua hari di negeri ini.

Menurut Osman, lelaki terbabit memperkenalkan dirinya sebagai pegawai JKM dan meminta beliau memberitahu Perdana Menteri supaya membatalkan lawatan kerja di Kedah.

Osman berkata, pemanggil itu memberitahunya 'kita akan menembaknya jika Dr Mahathir datang'.

(END)